

# Arab Saudi perkenal visa ketibaan baharu umrah

**Skim bolehkan jemaah, pelawat tinggal di Tanah Suci 90 hari**

**Jeddah:** Pihak berkuasa Arab Saudi memperkenalkan skim visa ketibaan baharu untuk umrah, sekali gus membolehkan jemaah yang tiba menerusi pelabuhan, udara atau darat termasuk dari Malaysia tinggal selama 90 hari di negara itu.

Selain Malaysia, *Arabian Business* berkata, pelawat dari Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK), pelbagai negara Eropah, Australia, New Zealand,

Singapura, Korea Selatan, Jepun, Kazakhstan, Brunei dan China kini boleh mendapatkan visa umrah ketika tiba di negara itu.

Visa berkenaan bukan saja memudahkan perjalanan, bahkan memupuk hubungan kekeluargaan dan pengalaman melancong ke tempat menarik dan bersejarah di Arab Saudi.

Menurut *Arabian Business* lagi, pelawat kini boleh juga bersatu semula dengan orang ter sayang yang menetap di Arab Saudi dan menerokai kekayaan warisan negara itu.

#### Maklumat di laman eVisa

Untuk memanfaatkan peluang itu, pelawat yang layak perlu membayar AS\$117 (RM543) bagi visa yang, termasuk perlindungan insurans kesihatan.

Bagi memudahkan urusan pe-

lawat, Arab Saudi memperkenalkan proses permohonan visa ketibaan umrah melalui laman sesawang eVisa rasminya.

Laman sesawang ini menawarkan maklumat menyeluruh mengenai prosedur dan peraturan visa, sekali gus mengelak kerumitan yang mungkin dialami para pelawat.

Selain itu, pelawat juga amat digalakkan untuk terus mendapat maklumat mengenai perjalanan terkini dan kemas kini kesihatan yang penting untuk ke masukan ke Arab Saudi.

Sebelum ini, media Arab Saudi memetik Menteri Pelancongan, Ahmed Al Khateeb, sebagai menyatakan bahawa peningkatan pengalaman pelawat adalah nadi masa depan sektor pelancongan negaranya.

“Dengan memanfaatkan inova-



Skim visa ketibaan baharu memberi peluang kepada jemaah, pelawat menerokai kekayaan warisan Arab Saudi.

(Foto hiasan)

si digital dan memperkemas per jalanan pelawat, Arab Saudi mengalau-alukan lebih ramai pelawat dari seluruh pelosok dunia.

“Pelancongan merapatkan budaya dan menghubungkan masyarakat. Ia menyediakan peluang dan meningkatkan kawasan kejiranan dan saya berbangga untuk memimpin kementerian semasa kita membina masa depan ini bersama-sama,” katanya.

Dalam pada itu, bilangan jemaah umrah yang memilih un-

tuk lakukan sendiri (DIY) ibadat itu dijangka bertambah pada ta hun-tahun mendatang.

Ini didorong keanjalan jadual dan proses permohonan visa dalam talian yang lebih mudah, ber gan tung kepada pasport kewarganegaraan.

Ini selaras dengan langkah kerajaan Arab Saudi sejak kebelakangan ini, yang membuka pintu pelancongan dan bergerak ke arah pendigitalan, lantas memudahkan kemasukan ke negara itu.

AGENSI